

10/02/1998

17 dan 18 Julai paling sesuai - Muhyiddin

Lukman Salleh

KEMENTERIAN Belia dan Sukan mencadangkan 17 dan 18 Julai sebagai tarikh untuk menganjurkan kejohanan serentak pra-Sukan Komanwel, di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil.

Justeru, kementerian itu meminta penganjurnya, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98) mengkaji kesesuaian tarikh itu serta mengadakan perbincangan dengan persatuan sukan terbabit.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata tarikh itu boleh dipinda jika pra-Sukan Komanwel bertindih dengan kejohanan antarabangsa.

"Tarikh 17 dan 18 Julai itu dicadangkan kerana ketika itu semua gelanggang sudah siap sepenuhnya serta sistem LRT (Transit Aliran Ringan) mula beroperasi."

"Jadi, ia memberi peluang kepada kita untuk meneliti kekurangan dan kelemahan jika ada. Saya mahu Sukom '98 mengadakan perbincangan dengan persatuan dan saya harap persatuan dalam menganjukkan tarikh kejohanan mereka kepada Julai."

"Jika ada pertindihan tarikh dengan kejohanan antarabangsa lain ia masih boleh disesuaikan," kata Muhyiddin selepas melancarkan Kejohanan Motocross dan Cubcross Malaysia 1998 di Sri Pentas, semalam.

Muhyiddin mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Eksekutif Sukom '98, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali di Damansara pagi semalam bagi membincangkan pelbagai perkara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Sukan Komanwel Khamis lalu, mahu kejohanan pra-Sukan Komanwel dilangsungkan serentak dan tidak berperingkat-peringkat.

Ia bertujuan untuk menguji gelanggang serta kelicinan sistem yang dipasang, selain menilai pegawai teknikal, sistem pengangkutan serta sukarelawan Sukom '98.

Segala masalah yang timbul ketika kejohanan pra-Sukan Komanwel dapat diatasi sebelum negara menganjurkan Sukan Komanwel pada 11-21 September.

Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil mengandungi arena olahraga, gimnastik, renang, skuasy dan hoki.

Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) bercadang menganjurkan kejohannya pada Mei.

Adalah difahamkan tarikh yang dicadangkan kementerian itu mungkin tidak dapat dipenuhi KOAM kerana ia bertindih dengan Kejohanan Trek dan Padang Asia di Jepun pada 20-24 Julai.

"Saya mahu kejohanan ini membabitkan banyak negara dan bulan lima negara kerana ia tidak akan dapat membantu kita menguji sistem yang ada. Tidak semestinya ia membabitkan kejohanan antarabangsa yang besar."

"Kita juga belum menetapkan masa ada bayaran harus dikenakan untuk kejohanan pra-komanwel ini tetapi untuk membabitkan banyak penonton saya rasa lebih elok diadakan percuma."

(END)